

**P.U.(A) 89/2017**

**AKTA PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN 2007**

**PERINTAH PASARAN MODAL DAN PERKHIDMATAN  
(PINDAAN JADUAL 6 DAN 7) 2018**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 380(1) Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 [Akta 671], Menteri, atas syor Suruhanjaya, membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pasaran Modal Dan Perkhidmatan (Pindaan Jadual 6 dan 7) 2018**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 5 April 2018.

**Pindaan Jadual 6**

2. Akta Pasaran modal dan Perkhidmatan 2007, yang disebut sebagai “Akta ibu” dalam Perintah ini, dipinda dalam Jadual 6 dengan memasukkan selepas perenggan 19 perenggan yang berikut:

“19A. Tawaran atau pelawaan berkenaan dengan debentur atau sukuk yang mematuhi Rangka Kerja Penerbit Berkelayakan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

**Pindaan Jadual 7**

3. Jadual 7 kepada akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan 20 perenggan yang berikut:

“20A. Terbitan debentur atau sukuk yang mematuhi Rangka Kerja Penerbit Berkelayakan sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.”.

Dibuat 20 Mac 2018

[GC(LR)RETAIL BONDS DISCLOSURE FWORK 1/2017(243)-1/;PN(PU2)662/XIII]

DATUK SERI JOHARI BIN ABDUL GHANI

*Menteri Kewangan Kedua*